

Bolehkah Manusia Muslim Memisahkan Hidupnya Dari Agama?

Soal yang kita kemukakan di atas, bukanlah merupakan sebagai suatu soalan yang melulu, atau

dianggap lumrah tanpa mendapat perhatian yang boleh dibiarkan tinggal begitu sahaja, tetapi adalah dia

sebagai sesuatu yang merupakan kenyataan, suatu yang benar-benar dihadapi persoalannya terutama jika melihat

suasana sekeliling yang melingkungi hidup dan kehidupan setiap manusia Muslim di bumi tempat ia berpijak dan langit yang ia junjung dewasa ini.

Bolehkah manusia Muslim memisahkan hidupnya dari agama? Soalan ini mesti dijawab, dan jawapannya adalah ringkasnya, iaitu tidak! Sekali lagi tidak. Seorang manusia Muslim tidak boleh memisahkan hidupnya dari agama bila mengaku dirinya Muslim, ini ertinya telah memilihkan dirinya ke jalan keselamatan, telah menyerahkan dirinya kepada kuasa ghaib yang memberi pemimpin sehingga hidupnya akan terjamin untuk memperoleh kebahagiaan yang abadi bukannya kebahagiaan yang dijelmakan secara tiruan dan saduran. Seorang Muslim ada keperibadiannya sendiri, dan seorang Muslim ada corak dan warnanya sendiri mengikut fitrah (asal kejadian) yang dicorakkan oleh Allah, dan mengikut celupan yang dicelupkan oleh Allah.

Dalam hubungan ini, Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* telah berfirman dalam kitab-Nya yang suci al-Qur'ān al-Karīm (ayat 30 *Sūrah al-Rūm*) "*Fa'aqim wajhaka liddīni hanīfa fitrata Allāhi al-latī faṭṭara al-nāsa 'alayhā.*"

Ertinya: "Hadapkanlah mukamu dengan betul kepada agama ciptaan Allah, yang dengannya manusia diciptakan (dicorakkan)."

Dan firman Allah pula dalam kitab-Nya (ayat 138 *Sūrah Al-Baqarah*) "*Ṣibghata Allāhi, wa man aḥsanu mina Allāhi*

ṣibghata." Ertinya: "Celupan agama Allah (sesuai dengan tabiat manusia). Siapakah lebih baik dari Allah celupannya?"

Kedua buah potongan ayat dari *Sūrah al-Rūm* dan *Sūrah al-Baqarah* tadi adalah merupakan bukti tentang adanya keperibadian seseorang Muslim, ada pendiriannya sendiri, ada corak dan warnanya sendiri dan ada celupannya sendiri. Bererti seseorang Muslim itu tidak boleh dibentuk dengan bentuk yang menyalahi keperibadiannya, tidak boleh menukarkan pendiriannya, tidak boleh mengubah corak yang diwarnakan kepadanya dan tidak boleh disadur dengan celupan yang bertentangan dengan celupan asalnya. Mengubah ketetapan semua yang disebutkan itu – yang sedia ada pada diri seseorang manusia Muslim – bererti melanggar hak-hak asasi manusia, dan bererti menentang fitrah (ciptaan) yang dengannya Tuhan telah menciptakan manusia. Jelasnya usaha dan daya upaya untuk melakukan perubahan dan penentangan itu adalah dilarang, malah akan gagal dan sia-sia.

Seseorang manusia Muslim dituntut supaya berpendirian teguh dengan hati yang bulat dan muka yang rela berseri-seri, menghadap betul-betul kepada agama, ibarat muka yang merenung dengan penuh rasa cinta dan kasih sayang kepada kekasih yang disanjung dan dipuja. Tugas menghadap betul-betul

kepada agama itulah dia yang dinamakan fitrah (seperti pada ayat 30 *Sūrah al-Rūm* tersebut). Kerana agama Islam itu adalah agama fitrah, agama yang sesuai dengan peri kemanusiaan, agama yang dapat dijalankan oleh segenap manusia, dari berbagai-bagai bangsa, berbagai golongan, sesuai di segala tempat dan selaras dengan segala masa serta keadaan.

Seorang manusia Muslim, adalah manusia yang telah dicelup, iaitu dengan celupan agama Allah, sehingga ia telah bertanda dan berwarna. Maka tanda agama itu telah melekat dan kelihatan terlekat disisi pemeluknya, sebagaimana tanda celupan itu nampak di baju yang telah diberi celupan, yang kemudiannya celupan itu tak akan berpisah lagi daripadanya. Inilah yang diisyaratkan oleh Allah (seperti pada ayat 138 *Sūrah al-Baqarah* tersebut)

“Siapakah yang terlebih baik dari celupan Allah?”

Demikian bentuk pertanyaan Allah pada ayat itu. Meskipun ayatnya berbentuk pertanyaan, tetapi pengertiannya merupakan penafian iaitu “tidak ada yang terlebih baik dari celupan Allah.” Ayat ini mengajar manusia Muslim, apabila diajak masuk agama orang lain, atau dipujuk supaya mengikuti faham atau *ideology* orang lain, yang isinya bertentangan dengan faham dan ajaran, tatatertib dan peraturan Islam, maka ingatlah wahai manusia Muslim kepada ayat ini, ayat yang menjadi cogan yang wajib ditegakkan oleh seluruh umat Islam dan wajib dipertahankan oleh pemeluk-pemeluk Islam – ayat yang berbunyi “*Ṣibghata Allāhi wa man aḥsanu mina Allāhi ṣibghata wa naḥnu lahu ‘ābidūn.*” Yang mengandungi ikrar bahawa; kami telah beriman, telah mendapat celupan agama Allah, iaitu celupan yang teramat baik – tak ada bandingannya – celupan yang tidak akan luntur selama-lamanya, walaupun dimakan zaman dan memasukkan berbagai-bagai perubahan

Orang Melayu Singapura terdesak hidup-nya!

Puncha-nya?:–

Bacha buku:

PERISTEWA-PERISTEWA SIASAH DI-TANAH MELAYU

OLEH: EDRUS.

Harga-nya \$3.00 – Pos 15 sen.

Q a l a m

356/8, GEYLANG ROAD,

SINGAPURA-14

Serta menghadapi berbagai-bagai cabaran, dan dakyah-dakyah yang disarankan, namun kami tetap mengabdikan diri kepada Allah.

Seorang manusia Muslim tidak boleh memisahkan hidupnya dari agama. Dia boleh meninjau segala peraturan hidup. Dia boleh meminati segala teori-teori masyarakat. Dia boleh memerhatikan semua *ism-ism* dan ideologi-ideologi. Tetapi dia tidak akan menelan semua yang ditinjau, semua yang diminati dan semua yang diperhatikan tadi, bahkan mesti mengukur terlebih dahulu dengan pedoman yang diterimanya dari Tuhan. Bila mana manusia Muslim tidak menjadikan agamanya sebagai pedoman dan pegangan hidupnya, maka segala teori-teori hidup yang diperhatikannya dan yang disarankan orang kepadanya tidaklah akan menambah baiknya kepada dirinya malahan dia akan ditelan menjadi mangsa kepada teori-teori tersebut.

Agama tidaklah sempit yang disangka oleh orang yang tidak mengetahuinya; bahawa dia mengharamkan segala-galanya, yang seolah-olahnya agama itu memandang dunia ini haram semuanya. Tetapi ketahuilah, agama itu suatu pegangan hidup yang luas ibarat lautan yang tiada tepinya. Tuhan menurunkan agama itu bukanlah untuk menyiksa manusia, tetapi adalah diturunkan untuk kebahagiaan dan kesejahteraan hidupnya.

Manakala agama yang menjadi pegangan manusia Muslim dilepaskannya, kemudian dia berpegang dengan teori-teori hidup yang berlawanan dengan agamanya, janganlah menyangkakan bahawa teori yang dipegangnya itu baik dan sesuai dengan penghidupannya.

Dia kelak tidak juga merasa puas dengan teori baru ini, nanti dia akan berpindah ke lain teori, kemudian menemui seperti yang mula-mula ia temui. Akhirnya umurnya dihabiskannya untuk mencuba teori ini dan teori itu tanpa mempunyai pegangan hidup yang tertentu, hasilnya kerugian besar datang menimpa.

Kalau dunia sangat mencela orang yang tidak

berpendirian, maka orang yang beragama, agamanya itulah merupakan pendiriannya. Semakin kuat orang yang beragama memegang teguh ajaran agamanya dalam segala gerak-gerinya maka akan semakin terhormat kedudukannya sebagai orang yang kukuh pendiriannya, sebaliknya apabila orang yang beragama melepaskan agamanya kerana terpedaya dengan teori hidup buatan manusia, atau mencuaikan agamanya kerana terpengaruh oleh konsep-konsep baru yang direka-reka manusia, bukanlah akan terhormat ia dalam pandangan dunia, tetapi dunia akan memandangnya sehina-hina makhluk sebab melepaskan pemberian Tuhan untuk mendapatkan pemberian manusia. Adakah lagi orang yang lebih tolol dari orang yang menukarkan pemberian Tuhan dengan pemberian manusia? Tentulah tak ada lagi orang yang setolol dan sebodoh itu pendiriannya.

Kesimpulan dari jawapan mengenai soalan di atas sudahlah jelas, iaitu seorang manusia Muslim tidak dapat dipisahkan hidupnya dari agama, dan janganlah dibuai dengan teori-teori baru dan konsep-konsep yang indah-indah bunyinya. Ingatlah wahai manusia Muslim! Janganlah engkau terpedaya; seperti burung gagak yang melepaskan sepotong daging dari mulutnya kerana malu dicela anjing tak pandai menyanyi.



SUDAH TERBIT!

PERSURATAN MELAYU III

DRAMA

Harga \$7.00

Pesan kepada:-

Q A L A M

356/8 GEYLANG ROAD

Singapore 14.